

PENTAKRIFAN DAN PENISBAHAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH (AL-ASHĀ ‘IRAH DAN AL-MĀTURĪDIYYAH) DALAM UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM KERAJAAN NEGERI: SATU ANALISIS KRITIS DALAM KONTEKS MALAYSIA

Defining and Attributing of Ahli Sunnah Waljamaah as al-Ashā ‘irah and al-Māturīdiyyah in the Administration of Islamic Law in the States: A Critical Analysis in the Context of Malaysia

Muhammad Khairi Mahyuddin*

Nurhanisah Senin **

Mohammed Amin Ali Ali Mohammed Eyssa***

ABSTRACT

The term Ahli Sunnah Waljamaah holds an unmistakable position in Islam. The role of Ahli Sunnah Waljamaah is significant in preserving and promoting the Islamic faith in this globalized world. The objective of this writing is to clarify the definition and attribution of Ahl al-Sunnah wal Jamaah, whether it is compatible or not with the beliefs and methodologies of al-Ashā ‘irah and al-Māturīdiyyah, as well as the necessity of incorporating it into the

* Associate Professor, Faculty of Leadership and Management, Islamic Science University of Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
muhdkhairi@usim.edu.my.

** Senior Lecturer, Faculty of Leadership and Management, Islamic Science University of Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
nurhanisah.senin@usim.edu.my.

*** Senior Lecturer, Faculty of Leadership and Management, Islamic Science University of Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
maminali@usim.edu.my.

Administration of Islamic Law in the States. The findings indicate that the definitions and characteristics of Ahli Sunnah Waljamaah in the Hadith of the Prophet Muhammad (SAW) largely complement the beliefs and methodologies of al-Ashā'irah and al-Māturīdiyyah in the current context. The need to include this definition in the Administration of Islamic Law in the States can align understanding regarding faith and the practice of Shariah across Malaysia. Furthermore, it can help to maintain unity, security, and governance stability in Malaysia.

Keywords: Ahli Sunnah Waljamaah; Al-Ashā'irah; Al-Māturīdiyyah; The Administration of Islamic Law in the States.

PENGENALAN MANHAJ AHLI SUNNAH WALJAMAAH

Manhaj dari segi bahasa bermaksud jalan, pendekatan, perjalanan. Allah SWT berfirman:

لَكُلٍّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شُرْعَةً وَمِنْهَا جَاءَ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً
وَلَكِنْ لَيَبْلُوُكُمْ فِي مَا آتَكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ
جَمِيعًا فَيُبَيِّنُكُمْ إِمَّا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

Maksudnya: Untuk tiap-tiap umat di antara kamu, Kami berikan aturan dan jalan yang terang. Sekiranya Allah menghendaki, niscaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepadamu, maka berlumbalumbalah berbuat kebaikan. Hanya kepada Allah-lah kembali kamu semuanya, lalu diberitahukan-Nya kepadamu apa yang telah kamu perselisihkan itu.¹

¹ Al-Quran, Surah al-Māidah 5: 48.

Pentakrifan dan Penisbahan Ahli Sunnah Waljamaah (al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah) Dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Kerajaan Negeri:
Satu Analisis Kritis Dalam Konteks Malaysia

Manhaj ialah kaedah dan pendekatan teratur, benar dan terang dalam beragama menurut cara Rasulluah SAW dan majoriti para sahabat RA. Allah SWT berfirman:

وَمَنْ يُشَاقِّ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبَعُ عَيْرَ سَبِيلِ
الْمُؤْمِنِينَ نُولِهِ مَا تَوَلَّٰ وَتُنْصَلِهِ جَهَنَّمُ ۚ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

Maksudnya: *Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran petunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat Kembali.*²

Istilah Ahli Sunnah Waljamaah bukan rekaan atau ciptaan para ulama. Istilah tersebut telah wujud di zaman Nabi SAW dan para Sahabat RA. Istilah tersebut telah diriwayatkan dengan beberapa istilah lain dan ciri-cirinya, tetapi masih menunjukkan maksud yang sama. Terdapat beberapa hujah daripada pelbagai dan lafaz riwayat hadis bahawa istilah tersebut wujud di zaman Nabi SAW dan para Sahabat.

Terdapat satu hadith yang disebut secara jelas lafaz Ahli Sunnah Waljamaah oleh al-Shahrastānī dalam *al-Milal wa al-Nihāl*. Beliau menukilkan satu riwayat bahawa Nabi SAW bersabda:

سْتَفْرَقَ أَمْتِي عَلَىٰ ثَلَاثٍ وَ سَبْعِينَ فِرْقَةً، النَّاجِيَةُ مِنْهَا وَاحِدَةٌ وَ
الْبَاقِونَ هَلْكَىٰ، قِيلَ وَ مَنِ النَّاجِيَةُ؟ قَالَ: أَهْلُ السَّنَةِ وَ الْجَمَاعَةِ. قِيلَ
وَ مَنِ أَهْلُ السَّنَةِ وَ الْجَمَاعَةِ؟ قَالَ مَا أَنَا عَلَيْهِ الْيَوْمُ وَأَصْحَابِي

² Al-Quran, Surah *al-Nisā'*, 4: 115.

Maksudnya: *Ummatku akan berpecah kepada 73 golongan, satu golongan sahaja yang berjaya dan yang lainnya binasa, para sahabat bertanya: siapakah golongan yang berjaya itu. Nabi menjawab: Ahli Sunnah Wal Jamaah. Siapakah mereka Ahl al Sunnah wal Jamaah ya Rasulullah? Golongan yang ikut aku pada hari ini dan para sahabatku.*³

Ibn Kathīr (w.1372M) menafsirkan firman Allah SWT:

يَوْمَ تَبَيَّضُ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُ وُجُوهٌ

Maksudnya: (*Ingatlah akan*) hari (*kiamat yang padanya*) ada muka (*orang-orang*) menjadi putih berseri, dan ada muka (*orang-orang*) menjadi hitam legam.⁴

Ibn Kathīr menyatakan bahawa Ibn ‘Abbās juga menyebut istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam menjelaskan ayat tersebut dengan huraian seperti berikut:

وَقَوْلُهُ تَعَالَى " يَوْمَ تَبَيَّضُ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُ وُجُوهٌ " يَعْنِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ
حِينَ تَبَيَّضُ وُجُوهُ أَهْلِ السُّنْنَةِ وَالْجَمَاعَةِ وَتَسْوَدُ وُجُوهُ أَهْلِ الْبِدْعَةِ
وَالْفُرْقَةِ قَالَهُ إِبْرَاهِيمُ عَبْدُ اللَّهِ عَنْهُمَا

Maksudnya: *Firman Allah (Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam iaitu dihari kiamat mentafsirkan muka orang-orang yang menjadi putih berseri itu ialah Ahli Sunnah Wal Jamaah, manakala muka orang-*

³ Muḥammad Ibn ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, (Kaherah: Mua’sasah al-Ḥalabi, t.t.), 1: 11.

⁴ Al-Quran, Surah Āli ‘Imrān 3: 106

orang yang menjadi hitam legam ialah ahli-ahli bidaah dan kumpulan yang sesat.⁵

Hal ini perkuatkan dengan riwayat lain daripada ‘Alī ibn Abī Ṭālib RA bahawa beliau meriwayatkan bahawa:

وروي عن علي بن أبي طالب رضي الله عنه :أنه قال المؤمن إذا
أحب السنة والجماعة استجابة دعاءه وقضى حاجته وغفر له
الذنوب جميعاً وكتب له براءة من النار وبراءة من النفاق .

Maksudnya: *Diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib RA bahawa beliau menyebut orang mukmin apabila dia mengasihi Ahli Sunnah Waljamaah, maka Allah mustajabkan doanya dan menunaikan segala hajatnya, mengampuni segala dosanya dan ditulis bebas daripada api neraka dan munafik.*⁶

Manakala Abdullah bin Umar RA pula meriwayatkan dengan lebih jelas lagi ciri-ciri Ahli Sunnah Waljamaah. Beliau menghabarkan bahawa:

وفي خبر عبد الله بن عمر عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال
:من كان يؤمن بالله و من كان على السنة والجماعة استجابة الله
دعاه وكتب له بكل خطوة يخطوها عشرة حسناً ورفع له عشر
درجات ، فقيل له : يا رسول الله متى يعلم الرجل أنه من أهل السنة
والجماعة ؟ فقال : إذا وجد في نفسه عشرة أشياء فهو على السنة
والجماعة : أن يصل إلى الصلوات الخمس بالجماعة ، ولا يذكر أحداً

⁵ Ismā‘il Ibn ‘Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, (Beirut: Dār al-Iḥyā’ wa al-Turāth al-‘Arabiyy, 1996), 1: 397.

⁶ Abū Sa‘īd al-Khādimī, *Barīqah Maḥmudiyyah Fī Sharḥ Tarīqah Muḥamadīyyah Wa Sharī‘ah al-Nubūwwah Fī Sīrah Ahmadīyyah*, (Miṣr: Muṣṭafa al-Babīy al-Ḥalabī Wa Awlāduhu, t.t.). 156; Zayn al-Dīn Ibn Ibrāhīm Ibn Nujaym, *al-Baḥr al-rā’iq sharḥ Kanz al-daqā’iq*, (t.tp.: Dār al-Kutub al-Islami, t.t.), 8: 207.

من الصحابة بسوء وينقصه ، ولا يخرج على السلطان بالسيف ،
ولا يشك في إيمانه ، ويؤمن بالقدر خيره وشره من الله تعالى ، ولا
يجادل في دين الله تعالى ، ولا يكفر أحدا من أهل التوحيد بذنب
، ولا يدع الصلاة على من مات من أهل القبلة ، ويرى المسح على
الخففين جائزًا في السفر والحضر ، ويصلِّي خلف كل إمام بر أو
فارج .

Maksudnya: *Daripada Abdullah bin Umar, daripada Nabi SAW bahawa Baginda bersabda: Orang yang beriman dengan Allah dan berada di atas landasan Ahli Sunnah Waljamaah maka Allah perkenankan doanya, ditulis setiap langkahnya dengan sepuluh kebaikan dan diangkat bagi sepuluh darjat. Maka Baginda ditanya: Ya Rasullullah bila seorang lelaki itu diketahui bahawa dia mengikut Ahl al Sunnah wal Jamaah. Baginda menjawab: Apabila berada dalam diri seseorang itu sepuluh perkara maka dia berada dalam Ahli Sunnah Waljamaah:(1)Solat fardu lima waktu dengan berjamaah,(2)Tidak menyebut keadaaan para sahabat dengan kejahatan dan kekurangan (3)Tiada keluar kepada pemimpin dengan senjata (4)Tiada syak kepada keimanan (5) Beriman dengan qada dan qadar baik dan buruk daripada ketentuan Allah (6) Tidak perbalahan dalam agama Islam (7)Tiada mengkafirkan muslim daripada golongan ahli kiblat dengan dosa(8)Tidak meninggal solat jenazah ke atas kematian muslim daripada ahli kiblat (9)Melihat keharusan menyapu khuf ketika musafir dan ketika bermukim (10) Melihat keharusan solat fardu berimamkan dibelakang muslim yang baik dan zalm.⁷*

⁷ Abū Sa‘īd al-Khādimī, Barīqah Maḥmudiyyah Fī Sharḥ Tarīqah Muḥamadīyyah Wa Sharī‘ah al-Nubūwwah Fī Sīrah Ahmādīyyah, 156; Zayn al-Dīn Ibn Ibrāhīm Ibn Nujaym, al-Baḥr al-Rā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq, 8: 207.

Pentakrifan dan Penisbahan Ahli Sunnah Wal Jamaah (al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah) Dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Kerajaan Negeri:
Satu Analisis Kritis Dalam Konteks Malaysia

Terdapat beberapa hadis lain yang menyebutkan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ciri ciri dengan pelbagai istilah seperti *Ma Ana ‘Alayi Wa Aṣḥābi*, *al-Sawad al-a‘zam*, *al-Firqah al-Nājīyyah*, *al-Jamā‘ah*, *Ahl al-Haq* dan lain lain lagi.⁸

Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jīlānī menjelaskan bahawa maksud sunnah dan Jamaah ialah:

فعلى المؤمن اتباع السنة والجماعة، فالسنة ما سنه رسول الله - صلى الله عليه وسلم -، والجماعة ما اتفق عليه أصحاب رسول الله - صلى الله عليه وسلم - في خلافة الأئمة الأربع الخلفاء الراشدين - المهدىين - رحمة الله عليهم أجمعين.

Maksudnya: *Maka seorang mukmin itu, hendak mengikuti al-Sunnah dan al-Jamaah. Justeru itu, pengertian al-sunnah ialah apa apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan erti al-Jamaah ialah apa apa yang disepakati oleh para sahabat RA pada zaman khilafah yang empat yang mendapat perunjuk dan hidayah Allah yang meredai mereka semua.*⁹

Bukan sahaja para sahabat RA yang empat, tetapi sahabat-sahabat yang lain juga seperti Ibn ‘Abbās RA, Abū Hurairah RA, Ibn Mas‘ūd RA berdasarkan penyataan dalam hadis Nabi SAW bahawa apa-apa yang aku ajar dan para sahabatku. Sesungguhnya para sahabat RA adalah seperti bintang-bintang di langit, sesiapa sahaja antara mereka yang dilikuti, maka mendapat petunjuk.¹⁰

⁸ Hibah Allah Ibn al-Hasan Ibn Manṣūr al-Ṭabarī al-Rāzī al-Lālikā’ī, *Sharh Uṣūl I’tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah min al-Kitāb wa al-Sunnah Wa Ijmā‘ al-Šahābah wa al-Tābi‘īn wa Man Ba ‘dihim*, (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2004), 1: 75-85.

⁹ ‘Abd al-Qādir al-Jīlānī, *Ghunyah li Tālibī Tarīq al-Haqqa*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1997), 1: 165.

¹⁰ Uwes Abu Bakar. *Islah al-Ummah fi Bayan ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, (Jakarta: Matla al-Anwar, 2016) 118-123.

Oleh itu, Ahli Sunnah Waljamaah merupakan istilah nabawi yang merujuk kepada kefahaman, iktikad dan segala amalan syariat mengikut Sunnah Nabi SAW dan para sahabat RA yang bersumberkan al-Quran and Sunnah. Ajaran Nabi SAW dan para sahabat RA dijelaskan, diperincikan dan disusun dengan kaedah-kaedah muktabar oleh majoriti para tabiin dan para ulama muktabar sebagai benar dan terpelihara daripada satu generasi kepada satu generasi untuk dipegang oleh majoriti umat Islam di dunia.

Muhammad Abdul Hadi al-Misri turut memberikan gambaran umum berkaitan ciri Ahli Sunnah Waljamaah yang mementingkan penyatuhan ajaran agama Islam melalui ilmu dan amal, zahir dan batin dengan berpegang teguh kepada al-Quran, Sunnah dan ijmak. Ahli Sunnah Waljamaah juga adalah mereka yang mematuhi syariat, mengikuti sunnah Rasulullah SAW sama ada dalam akidah, syariat, ibadah, politik dan lain-lain. Dalam hal berkaitan dengan perbezaan pandangan, golongan Ahli Sunnah Waljamaah merupakan golongan pertengahan dan moderat yang mampu mengawal perbezaan pandangan ijтиhad demi memelihara kesatuan umat.¹¹

Selain daripada Ahli Sunnah Waljamaah, kumpulan Islam yang lain masih lagi dikategorikan sebagai umat Islam dengan beberapa istilah seperti *Umam al-Muslimīn*, *Ahl al-Qiblah*, *Ahl al-Ijābah* dan *Ahl al-Bid‘ah wa al-Ahwā’*. Selagi mana mereka tetap berpegang kepada usul agama yang telah disepakati seperti shahadah serta mengamalkan rukun Iman dan Islam, di samping memenuhi segala ketaatan yang telah jelas dituntut oleh agama Islam. Perbezaannya ialah mereka beriman dengan semua usul agama Islam tetapi mempunyai penafsiran dan pandangan yang berbeza dalam memahami beberapa isu dan ijтиhad dalam agama. Di akhirat kelak, semua umat Islam akan masuk syurga kecuali orang yang ingkar zahir dan batin tidak beriman dan beramal kepada Allah.¹²

¹¹ Muhammad Abdul Hadi al-Misri, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah: Ma‘alim al-Intilaqah al-Kubra*. Terj. Sidang Pengarang Kintan. *Ahlusunnah Waljamaah Petunjuk Jalan yang Benar*. (Kuala Lumpur: Penerbit Kintan Sdn. Bhd., 1994), 108

¹² Istilah istilah *Umam al-Muslimīn*, *Ahl al-Qiblah*, *Ahl al-Ijābah* dan *Ahl al-Bid‘ah wa al-Ahwā’* boleh dilhat dalam ‘Abd al-Wahhāb Ahmad al-Sha‘rānī, *al-Yawqīt wa al-Jawāhir fī Bayān ‘Aqā‘id al-Akābīr*, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-Islāmī al-‘Arabī t.t.), 526-532.

Pentakrifan dan Penisbahan Ahli Sunnah Wal Jamaah (al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah) Dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Kerajaan Negeri:
Satu Analisis Kritis Dalam Konteks Malaysia

Hadis mengenai perpecahan umat Nabi Muhammad SAW kepada 73 golongan atau kumpulan telah diriwayat dengan pelbagai sanad dan berakhir dengan lafaz yang paling mashur iaitu “*Kulluhum fī al-nār illā wāhidah aw kulluhum fī al-nār illā millah wāhidah kulluhā fī al-nār illā wāhidah firqah wāhidah*” (kesemua mereka masuk ke dalam neraka kecuali satu atau kemua (kumpulan) masuk ke dalam neraka kecuali satu atau kesemua mereka masuk ke dalam neraka atau satu kumpulan sahaja),¹³ maka riwayat-riwayat hadis tersebut perlu difahami secara bergandingan dengan riwayat-riwayat lain agar tidak mudah menghukum dan mengeluarkan pihak lain daripada agama Islam secara keseluruhannya.

Menurut riwayat yang lain bahawa Nabi SAW bersabda:

تفرق أمتي على سبعين أو إحدى وسبعين فرقة، كلها في الجنة إلا
واحدة وهي الزنادقة

Maksudnya: *Umatku terpecah kepada 73 golongan. Semua akan masuk syurga kecuali satu golongan. Mereka ialah Golongan zanadiqah (golongan yang tidak beriman).*¹⁴

¹³ Beberapa riwayat mengenai perpecahan ummah sehingga 7 golongan ini boleh dilihat Hibah Allah Ibn al-Hasan Ibn Mansūr al-Tabarī al-Rāzī al-Lālikā'ī, *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah min al-Kitāb wa al-Sunnah Wa Ijmā' al-Šāhābah wa al-Tābi'īn wa Man Ba'dihim*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2004), 75-85.

¹⁴ Riwayat Abū Ya'la. Hadis ini diriwayat dengan beberapa lafaz dan sanad. Para ulama mempunyai perbezaan pandangan mengenai kedudukan dan makna hadis ini. Sebahagian ulama menerima hadis ini berdasarkan cara penilaian mereka. Lihat Isma'il Ibn Muhammad al-Ijluni, *Kashf al-Khafā' wa Muzil al-Albās 'ammā Ishtahara min al-Āḥādīth 'alā al-sināt al-nās*, (Beirut: Mu'assah al-Risālah, t.t.), 1: 149; 'Abd al-Wahhāb Ahmad al-Sha'rānī menerima hadis ini dengan menisahkan kepada riwayat Ibn Najjar. Lihat 'Abd al-Wahhāb Ahmad al-Sha'rānī, *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī Bayān 'Aqā'id al-Akābīr*, (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Islāmī al-'Arabī t.t.), 2: 527; Abū Ḥāmid Muhammad Ibn Muḥammad al-Ghazzālī juga menerima hadis tersebut. Lihat Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazzālī, *Fayṣal al-Tafriqah bayna al-Islām wa al-Zandaqah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 96-97.

Dalam menghuraikan golongan yang tidak masuk syurga dan kekal di dalam neraka, terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ : كُلُّ أُمَّيٍ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَّا
مَنْ أَبَى قَيْلَ : وَمَنْ يَأْبَى يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ : مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ ،
وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَبَى

Maksudnya: *Semua ummatku masuk syurga kecuali orang yang ingkar. Ditanya siapakah mereka. Nabi SAW menjawab orang yang taatku (beriman) masuk syurga dan golongan yang ingkar (tidak beriman) tidak masuk syurga.*¹⁵

Dalam hal ini, pendirian dan metode Abū al-Hasan ‘Alī al-Ash‘arī (260H-324H) jelas menunjukkan bahawa individu yang beriman dengan semua usul agama walaupun terdapat perbezaan dalam penafsiran dan amalan, tetap dianggap sebagai orang Islam kecuali bagi mereka yang tidak beriman sebagaimana petikan berikut:

قال اشهدوا علي أنني لا أكفر أحدا من أهل القبلة بذنب لأنني
رأيتهم كلهم يشيرون إلى معبد واحد والإسلام يشملهم ويعمهم

Maksudnya: *Beliau berkata bersaksilah bahawa sesungguhnya aku tidak mengkafirkan golongan ahli kiblat dengan dosa yang dilakukan kerana sesungguhnya aku melihat kesemua mereka menujukkan atas penafsiran mereka untuk menuju*

¹⁵ Riwayat al-Bukhari Bab *al-Iqtidā’ bi-sunnatī Rasūlillāh* SAW, Muhammad Ibn Islāmī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (t.pn: Maktabah Dar al ilm al hadith, 2005), 1590; Ibn Ḥajar al-Asqalānī menjelaskan bahawa sebahagian maksud orang yang enggan ialah orang yang tidak mahu beriman. Lihat Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (t.pn: Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1986), 13: 268; Abū Ḥāmid Muhammad Ibn Muḥammad al-Ghazzālī juga menyatakan bahawa golongan yang kekal dalam neraka ialah golongan yang tidak beriman. Abū Ḥāmid Muhammad Ibn Muḥammad al-Ghazzālī, *Fayṣal al-tafrīqah bayna al-Islām wa-al-zandaqah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 97.

kepada Yang Maha Esa yang disembah . Dan agama Islam meliputi dan merangkumi keseluruhan mereka.¹⁶

Oleh itu, jelaslah bahawa Ahli Sunnah Waljamaah bukanlah sebuah golongan yang ekstrem dalam menentang golongan yang sesat. Sebaliknya, mereka menjelaskan kebenaran berdasarkan apa yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW, para sahabat RA dan ulama seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT. Mereka tidak bersikap terlalu ekstrem dalam menghukum atau mengkafirkan golongan yang berbeza pendapat dengan mereka. Pada masa yang sama, mereka juga tidak terlalu longgar hingga memberi laluan kepada golongan yang menyimpang daripada al-Quran dan Sunnah.¹⁷ Justeru, ciri-ciri Ahli Sunnah Waljamaah adalah contoh terbaik dalam menangani isu perpecahan dalam kalangan umat Islam selaras dengan konteks masa dan keperluan masyarakat.

PENGIKTIRAFAN DAN TAKRIFAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH DENGAN ALIRAN AL-ASHAIRAH DAN AL-MATURIDIYYAH.

Para ulama memberi pelbagai takrifan Ahli Sunnah Waljamaah, antaranya termasuklah ‘Abd al-Wahhāb Ibn ‘Alī Ibn ‘Abd al-Kāfi al-Subkī (727-771H / 1328-1370M) mengatakan bahawa Ahli Sunnah Waljamaah bersepakat kepada usul akidah berkenaan persoalan-persoalan yang wajib, harus dan mustahil bagi Allah walaupun pendekatan mereka berbeza berdasarkan metode. Mereka terdiri daripada tiga kelompok. Kelompok pertama iaitu *Ahl Ḥadīth*, mengamalkan pendekatan yang berlandaskan al-Quran, hadis dan ijma. Kelompok kedua iaitu *Ahl al-Nazar al-‘Aqlī* (Ulama al-Ash‘arīyah dan al-Māturīdīyah), mengintegrasikan al-Quran, hadis dan akal dalam pendekatan mereka. Manakala kelompok ketiga, *Ahl al-Wujdān wa al-*

¹⁶ ‘Abd al-Wahhāb Ahmad al-Sha‘rānī, *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī Bayān ‘Aqā’id al-Akābīr*, 2: 531.

¹⁷ Zakaria Stapa et al. *Sejarah al-Ash‘ari dan al-Asha‘irah di Nusantara*. (Putrajaya: JAKIM, 2017), 33-34.

Kashf (ahli sufi), menggunakan pendekatan yang melibatkan al-Quran, hadis, akal, serta *kashf* (ilham).¹⁸

Namun demikian, terdapat satu takrif yang banyak diberikan oleh kebanyakan ulama muktabar ialah al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah adalah Ahli Sunnah Waljamaah. Di sini, terdapat keunikan dan signifikan takrifan ini.

Muhammad Ibn Muhammad Murtadā al-Zabīdī menyebutkan di dalam kitabnya *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Asrār Ihyā' 'ulūm al-dīn* bahawa: “Apabila disebutkan Ahli Sunnah Waljamaah, maka yang dimaksudkan ialah al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah.”¹⁹

Di sini, terdapat keunikan dan signifikan takrifan ini kerana sepuluh ciri ciri utama yang diriwayatkan oleh ‘Abdullāh Ibn ‘Umar wujud dalam pegangan al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah daripada kitab-kitab muktabar mereka dari segi doktrin akidah dan amalan shariat Islam.

Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Ash‘arī (260H-324H) adalah seorang tokoh ulama Salaf yang berasal daripada keturunan yang bersambung dengan Abū Mūsa al-Ash‘arī iaitu seorang sahabat Nabi SAW. Ayahnya Ismā‘īl Ibn Ishāq adalah ‘sunniyyan jamā‘īyyan ḥadīthīyyan’ dan berwasiat kepada Zakariyā Ibn Yahyā al-Sājī seorang *muhaddith* dan *faqīh* di Basrah untuk mendidik Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Ash‘arī. Setelah keluar daripada fahaman Muktazilah, Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Ash‘arī telah mengkaji dan menyemak masalah dan isu akidah daripada kitab-kitab hadis, tafsir al-quran dan ilmu shariat untuk mendapat kebenaran sehingga disebut sebagai *Shaykh al-Sunnah* dan *Naṣir al-Hadīth*.²⁰

Bahkan, beliau juga menguatkan dan menjelaskan kebanyakan perkataan para sahabat RA dan tabiin seperti Abū Ḥanīfah, Mālik Ibn

¹⁸ Muhammad Ibn Muhammad Murtadā al-Zabīdī, *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Asrār Ihyā' 'ulūm al-dīn*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 2: 14-15.

¹⁹ Muhammad Ibn Muhammad Murtadā al-Zabīdī, *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Asrār Ihyā' 'ulūm al-dīn*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 2: 7.

²⁰ ‘Alī Ibn Ḥasan Ibn ‘Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftari fīmā Nusbiha ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī*, (Dimashq: Dār al-Taqwa. 2018), 130-140.

Anas, Muhammad Ibn Idrīs al-Shāfi‘ī, Ahmad Ibn Ḥanbal, al-Awzā‘ī, Sufyān al-Thawrī, al-Layth Ibn Sa‘d, Muhammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī, dan Muslim Ibn Ḥajjāj serta para *ḥuffāz al-ḥadīth* dalam bentuk *sharāḥ* (penjelasan) dan *tabyīn* (penyataan). Kesannya ialah kitab-kitab karangannya seperti *al-Luma‘ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Zaygh wa al-Bid‘a* dan *Kashf al-Asrār wa Hatk al-Asrār* telah diterima oleh para ahli hadis dan feqah dizamannya serta menjadi pegangan mereka dan menisbahkan kepada mazhabnya. Berdasarkan metode inilah, Abū al-Qāsim al-Qushayrī mengiktiraf Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Ash‘arī sebagai “*Min aimmah ahl al-ḥadīth wamadhhabuhu madhhab aṣhāb al-ḥadīth takallama fī uṣūl al-dīyānah ‘alā ṭarīqat ahl al-sunnah.*” Dari segi kerohanian pula, beliau dikenali dengan Sayyid dalam tasawuf.²¹

Disebabkan oleh kekuuhan, keabsahan dan kemuktabaran metode Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Ash‘arī dan para ulama selepasnya yang dikenali sebagai al-Ashā'irah, maka kebanyakan tokoh *muḥaddithīn* mengikut mazhabnya seperti Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad al-‘Asqalānī, Abū Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn al-Baihaqī, Abū ‘Amr ‘Uthmān ibn ‘Abd al-Rahmān ibn al-Ṣalāḥ, Yahya ibn Sharaf al-Nawawī dan lain-lain.

Manakala Abū Mansūr Muḥammad Ibn Muḥammad al-Māturīdī al-Ansārī al-Ḥanafī al-Samarkandī (238H-333H) berketurunan daripada sahabat Nabi, Abū Ayyūb al-Ansārī RA. Beliau berguru dengan tokoh-tokoh hadis, feqah dan kalam seperti Muḥammad Ibn Muqātil al-Rāzī, Nāṣir Ibn Yaḥyā al-Balkhī, Abū Bakr Aḥmad Ibn Ishāq al-Juzjānī dan Abī Naṣr Aḥmad Ibn al-‘Iyādī. Metode beliau ialah menjelaskan dan melengkapkan pengajaran akidah Islamiah oleh Abū Ḥanīfah bersumberkan kitab kitabnya seperti *al-Fiqh al-Akbar*, *al-Fiqh al-Absat*, *al-Risālah*, *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* dan *al-Wasiyyah*.²² Kesannya, pemikiran dan pendekatan akidah Abū Mansūr Muḥammad

²¹ Abū Naṣr ‘Abd al-Wahhāb al-Subkī, *Tabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, (Kaherah: (Dār Ihyā‘ al-Kutub al-‘Arabīyah, 1918), 3: 237-250; ‘Alī Ibn Ḥasan Ibn ‘Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Mustari fīmā Nusbila ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī*, 230

²² Muḥammad Ibn Muḥammad Murtaḍā al-Zabīdī, *Iḥāfah al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Asrār Iḥyā‘ ulūm al-dīn*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 2: 13.

Ibn Muḥammad al-Māturīdī diikuti oleh para ulama selepasnya yang dikenali sebagai al-Māturīdiyyah. Malah metodenya didokong pula oleh tokoh-tokoh muhaddithīn seperti Najm al-Dīn ‘Umar ibn Muḥammad al-Nasafī, Abū al-Layth al-Samarqandī dan lain-lain lagi.

Penisbahān al-Ashā‘rah dan al-Māturīdiyyah kepada Ahli Sunnah Waljamaah adalah tepat kerana kedua-duanya mempunyai banyak persamaan dari segi menepati sepuluh ciri-ciri utama akidah dan syariat golongan salaf seperti yang diriwayatkan oleh ‘Abdullāh Ibn ‘Umar. Kebanyakan ciri-ciri tersebut wujud dan dipegang oleh kebanyakannya al-Ashā‘rah dan al-Māturīdiyyah dalam kitab-kitab karangan muktabar mereka seperti *al-Farq Bayn al-Firaq* oleh ‘Abd al-Qāhir al-Baghdādī, *al-Maktūbāt al-Rabbānīyah* oleh Ahmad Ibn ‘Abd al-Āħad al-Sirhindī dan lain-lain lagi.

Penggunaan al-Ashā‘rah dan al-Māturīdiyyah kepada Ahli Sunnah Waljamaah dalam konteks kontemporari ini adalah memadai dan komprehensif kerana kebanyakannya ahli ilmu dan majoriti ulama muktabar dunia Islam dalam bidang akidah, feqah dan usul feqah, hadis, tafsir, qiraat, tassawuf, bahasa Arab, sejarah dan lain-lain, kesemua mereka berjalan atas jalan dan pendekatan manhaj al-Ashā‘rah dan al-Māturīdiyyah. Bahkan, kebenaran hadis Nabi SAW menyatakan pembukaan kota Konstantinopel dibuka oleh sebaik-baik pemimpin dan tentera. Oleh itu, telah terbukti pemimpinnya Muhammad al-Fātiḥ (1432M -1481M) adalah orang yang beraliran al-Māturīdiyyah dalam akidah dan bermazhab Hanafi dalam feqah.²³

Para ulama al-Ashā‘rah dan al-Māturīdiyyah bukan membuat sesuatu yang baharu dalam agama Islam, tetapi lebih kepada memperkuatkan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah, para sahabat RA dan para tabiin dengan mengumpul, menyaring dan menghuraikan dengan penjelasan yang mantap mengikut zaman semasa dan tersusun untuk umat Islam memahaminya dengan baik, mengamalkan dan mempertahankan daripada serangan musuh Islam dari dalam dan luar.

²³ Hamad al-Sinan & Fauzi al-Anjari, *Ahl al-Sunnah al-Ashā‘rah Shahādah ‘Ulamā’ al-Ummah wa Adillatuhim*, (t.pn: Dar al-Diyā’, t.t.). 266.

Hal ini seperti yang disebutkan oleh Tāj al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn ‘Abd al-Karīm al-Subkī:

اعلم أن أبا الحسن لم يبدع رأياً ولم ينشئ مذهبًا، وإنما هو مقترٌ
لماهٰب السَّلْفِ، مناضلٌ عما كانت عليه صحابة رسول الله -
صلى الله عليه وسلم -، فالاتتساب إليه إنما هو باعتبار أنه عقد
على طريق السلف نطاقاً وتمسّك به، وأقام الحجج والبراهين عليه،
فصار المقتدي به في ذلك السالك سبيلاً في الدلائل يسمى أشعرياً

Maksudnya: *Ketahuilah bahawasanya Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Ash‘arī tidak mencipta pandangan dan mazhab yang baharu. Namun beliau hanya mempertahankan apa yang diamalkan oleh para Sahabat Nabi SAW. Oleh itu gelaran yang diberikan kepadanya hanyalah kerana beliau berpegang dengan apa yang telah dibawa oleh para ulama Salaf dan menegakkan hujah-hujah dan dalil pegangan tersebut. Kerana itu orang yang mengikuti metode beliau dengan penghujahan ini digelar sebagai al-Ash‘arī.*²⁴

Begitu juga menurut Abū Iṣḥāq al-Shīrāzī bahawa:

الأُشْعُرِيَّةُ أَعْيَانُ أَهْلِ السَّنَةِ وَنَصَارَ الشَّرِيعَةِ، اتَّصَبُوا لِلرَّدِّ عَلَى
المُبَدِّعَةِ مِنَ الْقَدْرِيَّةِ وَالرَّافِضَةِ وَغَيْرِهِمْ، فَمَنْ طَعَنَ فِيهِمْ فَقَدْ طَعَنَ
عَلَى أَهْلِ السَّنَةِ

Maksudnya: *Al-Ash‘ariyyah adalah pendokong Ahli Sunnah dan pejuang syariah. Mereka tampil menentang golongan ahli bid‘ah daripada golongan Qadariyyah, Rafidah dan lain-lain. Oleh itu, siapa*

²⁴ Abū Naṣr ‘Abd al-Wahhāb al-Subkī, *Tabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, (Kaherah: (Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabīyah, 1918), 3: 365.

*yang mempertikaikan al-Ash‘ariyyah bermakna mereka mempertikaikan Ahli Sunnah.*²⁵

Hal ini kerana kerana ajaran mereka dari segi akidah dan amal syariat menepati dengan ciri-ciri Ahli Sunnah Waljamaah. Mengikut manhaj al-Ashā‘irah dan al-Māturīdiyyah bukan meninggalkan rujukan kepada al-Quran dan sunnah, bahkan mengikut penjelasan dan huraian mereka adalah hakikat intipati berpegang dengan kedua dua sumber tersebut kerana semua ilmu mereka bertalian dengan guru-guru mereka yang menyambung sampai para tabiin, sahabat RA dan Rasulullah SAW sebagaimana teks berikut:

فليس تقليد أئمة المذاهب تركا للأخذ من الكتاب والسنة بل هو
عين التمسك والأخذ بما في القرآن الكريم ما وصل إلينا إلا
بواسطتهم مع كونهم أعلم منا بناسخه ومنسوخه.

Maksudnya: *Maka bukanlah mengikut para ulama mazhab itu bermaksud meninggal daripada mengambil daripada al-Quran dan al-sunnah, bahkan mengikut penjelasan ulama mazhab adalah intipati berpegang dan mengambil daripada kedua-dua sumber tersebut. Hal ini kerana al-Quran tidak sampai kepada kita melainkan dengan perantaraan mereka dengan keadaan mereka lebih mengetahui daripada kita apa yang nasikh dan Mansukh.*²⁶

KEDUDUKAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH DI MALAYSIA DAN LUAR NEGARA

²⁵ Zakariyya Abd al-Razzāq, *al-Imām al-Shīrāzī Bayna al-‘Ilm wa al-‘Amal wa al-Mutaqid wa al-Sulūk*, (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1992), 66.

²⁶ Muḥammad Ibrāhīm Ibn Muḥammad Salīm. *Majmū‘ al-Rudūd al-Shāmilah fī Ithbāt Ḏarūrat al-Ijtihād al-Sharī‘ah wa al-Mazāhib al-Fiqhiyyah wa al-Tasnīn al-Ḥasan wa Mā Taḥtahā min Tafri‘at Kādhiyah al-Ṣāliḥīn wa al-Tawassul bihim wa Masā'il Ukhra min al-Mustahdathāt al-Khayriyyah*, (t.p:t.bn, 1994,) 24.

Pentakrifan dan Penisbahan Ahli Sunnah Waljamaah (al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah) Dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Kerajaan Negeri:
Satu Analisis Kritis Dalam Konteks Malaysia

Perlembagaan Persekutuan Malaysia menetapkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan. Dalam konteks ini, agama Islam yang dimaksudkan merujuk kepada mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. Kenyataan ini berlandaskan kepada peruntukan dalam perlembagaan kebanyakan negeri di Malaysia, yang menyatakan Ahli Sunnah Waljamaah sebagai mazhab rasmi dan definisi bagi Islam. Walau bagaimanapun, perincian dan ciri-ciri khusus Ahli Sunnah Waljamaah tidak dijelaskan secara terperinci dalam perlembagaan, sebaliknya, penjelasan mengenainya sering kali diberikan oleh pihak negeri melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri atau melalui undang-undang pentadbiran agama Islam kerajaan negeri masing-masing.

Contohnya dalam Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan, dan Sabah, takrifan berkaitan Ahli Sunnah Waljamaah iaitu merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan panduan Nabi Muhammad SAW, sahabat dan ulama Islam muktabar serta berpegang dalam hal berkaitan dengan; (a) Akidah dan Tauhid berdasarkan pegangan Imam Abū Ḥasan al-Ash‘arī dan Imam Abū Maṣnūr al-Māturīdī. (b) Fiqh dan Syariah, berdasarkan mazhab Shafii di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. (c) Tasawuf, berdasarkan manhaj ulama sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.²⁷

Manakala Dalam Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan pula menyatakan bahawa: Ahlu’s al-Sunnah wal Jamaah maknanya ialah mazhab Abu Al-Hassan Al-Asha’ari dan Abu Mansur Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya.²⁸

²⁷ Khambali, Khadijah Mohd, and Mohd Zaidi Daud. "Pemerkasaan Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah: Ke Arah Penguatkuasaan Dan Penyeragaman Standard Sighah Fatwa: Strengthening The Faith of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah Towards The Enforcement and Standardization of Sighah Fatwa Standards." *Journal of Ifta and Islamic Heritage* 1, no. 1 (2022), 90-94.

²⁸ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Zaidi Daud. Pemerkasaan Akidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā‘ah: Ke Arah Penguatkuasaan Dan Penyeragaman Standard Sighah Fatwa, 91.

Dalam Muktamar Antarabangsa Islam Sunni di Chechnya pada tahun 2016 menyatakan beberapa asas penting resolusinya seperti:²⁹

- i. Ahli Sunnah Waljamaah adalah al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah.
- ii. Manhaj Ahli Sunnah Waljamaah adalah manhaj Islam yang paling komprehensif, detail dan benar. Manhaj ini memberi perhatian dalam memilih rujukan rujukan ilmiah dan metodologi penyelidikan secara benar dan memandu cara berpikir seorang muslim dalam memahami syariat dan mengetahui realiti dengan berbagai kesulitannya serta cara mengharmonikan antara keduanya dengan baik.
- iii. Institusi-institusi pendidikan Ahli Sunnah Waljamaah sejak beberapa abad telah berjaya menghasilkan ribuan ulama yang tersebar di seluruh penjuru dunia dari Siberia hingga Nigeria, serta dari Tangier hingga Jakarta. Mereka telah menduduki berbagai posisi dan jabatan, serta menjalankan amanah dalam tugas fatwa, pengadilan, pendidikan dan penasihat agama, sehingga seluruh masyarakat diliputi oleh rasa aman. Mereka juga berhasil memadamkan api fitnah dan peperangan, sehingga keadaan negara menjadi stabil. Dan mereka pun telah menyebarkan ilmu dan pemahaman yang benar.

CADANGAN MEMASUKKAN MAZHAB AHLI SUNNAH WALJAMAAAH (ALIRAN AL-ASHĀ'IRAH DAN AL-MĀTURĪDIYYAH) DALAM UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM KERAJAAN NEGERI

Cadangan untuk memasukkan takrifan Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah (al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah) perlu dipertimbangkan dari pelbagai konteks semasa. Keperluan ini amat relevan dalam usaha mengurus hal

²⁹ Mu'tamar al-Shīshān, "Bayān wa Tawṣīf li Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Itiqādān wa Fiqhāan wa Sulūkān wa Athar al-Inhīrāf anhu 'Alā al-Wāqi'," (Bayān Mu'tamar, Mu'tamar al-Shīshān, al-Shīshān, Ghrūzīn, 27 Ogos 2016), 1-4.

ehwal agama dan dunia, terutamanya dalam pengurusan di peringkat kerajaan negeri.

Dalam hal ini, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazzālī menekankan pentingnya pengurusan dunia yang baik sebagai prasyarat untuk menguruskan hal ehwal agama dengan efektif. Menurut beliau, keutuhan pengurusan dunia bergantung kepada kepimpinan yang adil dan bijaksana. Konsep ini menjelaskan hubungan erat antara pemerintah dan agama yang ibarat saudara kembar. Agama adalah asas yang menjadi panduan hidup, sementara pemerintah bertanggungjawab menjaga dan melaksanakan ajaran agama dalam konteks masyarakat dan negara.³⁰

Pemerintah negeri memainkan peranan sebagai rujukan utama bagi masyarakat dalam melaksanakan amalan agama dan menjadi pihak yang memiliki kuasa untuk memutuskan konflik serta mencari penyelesaian terhadap pelbagai masalah. Kejayaan dalam mengurus dan mentadbir isu-isu yang berkaitan dengan agama dan dunia sangat bergantung kepada kebijaksanaan pemimpin dan wakil-wakil mereka, yang bertindak berdasarkan punca kuasa yang jelas daripada undang-undang yang digubal. Selain itu, agama menuntut umatnya untuk meninggalkan perkara yang boleh meragukan dan tidak jelas. Allah berfirman.

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُرِيَ لِإِيمَانِهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: *Dan Kami turunkan kepada kamu al-Zikr (al-Quran), agar kamu terangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka.*³¹

Terdapat beberapa justifikasi yang boleh dipertimbangkan untuk dimasukan pengertian mazhab Ahli Sunnah Waljamaah (al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah):

³⁰ Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazzālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 1: 23.

³¹ Al-Quran, Surah *al-Nahl* 16 :44

- i. Pengiktirafan majoriti ulama muktabar seluruh dunia terhadap takrifan Ahli Sunnah Wal Jamaah khususnya dalam konteks al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah yang mencerminkan kesepakatan dalam memahami asas-asas akidah yang sahih dan seimbang dalam Islam.
- ii. Kebenaran pegangan dan manhaj al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah terbukti selaras dengan usul, ciri-ciri dan pengamalan syariat Islam yang dibawa oleh Nabi SAW dan para sahabat RA. Kedua-dua mazhab ini berpegang kepada al-Quran dan Sunnah, menekankan keseimbangan dalam akidah dan amal serta memelihara kesucian ajaran Islam dengan pendekatan yang diterima secara umum oleh ulama muktabar.
- iii. Kemantapan dan kekuahan manhaj al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah yang *mu'tadil* amat diakui dalam menghadapi pelbagai cabaran, khususnya dalam mempertahankan dan menyebarkan agama Islam. Pendekatan yang seimbang dan rasional ini telah membuktikan keberkesanannya dalam menjaga kesucian akidah serta mengatasi pelbagai isu semasa, menjadikan kedua-dua mazhab ini sebagai rujukan utama dalam membimbing umat Islam di seluruh dunia.
- iv. Kitab-kitab al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah diiktiraf oleh majoriti ulama muktabar sebagai sumber rujukan utama dalam pelbagai bidang ilmu. Kedua-dua mazhab ini telah menjadi panduan penting bagi umat Islam, tidak hanya di alam Melayu sejak berkurun lamanya, tetapi juga di Malaysia pada masa kini. Keberkesanannya dalam membimbing masyarakat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan terus terpelihara hingga ke hari ini.
- v. Terdapat kesinambungan dan hubungan yang erat antara ilmu-ilmu seperti fiqh, usul fiqh, hadis, tafsir, tasawuf, siyasah Islam, tarekat sufi dan pelbagai bidang ilmu lain dengan al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah. Kedua-dua mazhab ini tidak hanya memberikan panduan dalam aspek akidah, tetapi juga mempengaruhi dan membentuk prinsip-prinsip dasar dalam

Pentakrifan dan Penisbahan Ahli Sunnah Waljamaah (al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah) Dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Kerajaan Negeri:
Satu Analisis Kritis Dalam Konteks Malaysia

disiplin-disiplin ilmu tersebut, menjadikannya rujukan utama dalam kehidupan beragama dan bernegara.

Dengan berbuat demikian, pentakrifan dan penisbahan Ahli Sunnah Waljamaah (al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah) dalam undang-undang pentadbiran agama Islam kerajaan negeri di Malaysia akan membentuk beberapa implikasi penting. Pengiktirafan ini bukan sahaja memperkuuh kedudukan kedua-dua mazhab dalam sistem perundangan negara, tetapi juga mempengaruhi aspek pentadbiran agama, pendidikan dan sosial dalam masyarakat Islam. Ia akan memperjelas garis panduan akidah yang sahih serta memberikan dasar yang kukuh bagi menjaga kesatuan umat Islam di negara ini dalam menghadapi pelbagai cabaran ideologi dan aliran pemikiran. Antara implikasinya termasuklah:

- i. Pengukuhan hubungan antara negara luar dan negeri yang berasas pegangan Ahli Sunnah Waljamaah serta ketaatan kepada pemimpin Islam dapat mempererat ikatan diplomatik dan kerjasama yang berlandaskan prinsip-prinsip agama yang sama. Pendekatan ini tidak hanya memperkuuh hubungan antara negara-negara Islam, tetapi juga menyokong kestabilan politik, sosial dan ekonomi. Melalui pegangan yang teguh terhadap Ahli Sunnah Waljamaah, negara-negara tersebut dapat bergerak maju dalam semangat perpaduan, saling menghormati dan mempertahankan ajaran Islam yang autentik serta moderat.
- ii. Menyelaraskan ajaran dan pengamalan syariat Islam untuk diamalkan oleh masyarakat adalah langkah penting dalam mengelakkan kekeliruan dan perpecahan yang mungkin timbul akibat pelbagai aliran pendapat yang terbuka dan tidak terkawal. Dengan menetapkan garis panduan yang jelas berdasarkan Ahli Sunnah Waljamaah, masyarakat dapat mengamalkan ajaran Islam secara bersatu padu, tanpa terpengaruh oleh ideologi-ideologi yang menyimpang atau tidak selaras dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Pendekatan ini penting untuk memastikan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan umat Islam, serta menjaga kestabilan sosial dalam masyarakat.

- iii. Memperoleh rujukan dan manhaj yang jelas adalah penting dalam merumuskan polisi untuk mengurus, mentadbir, menguatkuasakan serta menyelesaikan isu-isu semasa seperti ajaran radikal, ajaran sesat dan lain-lain. Dengan berlandaskan Ahli Sunnah Waljamaah, polisi yang digubal akan memiliki asas yang kukuh dan seimbang berlandaskan prinsip akidah dan syariat yang sahih. Pendekatan ini membolehkan pihak berkuasa untuk bertindak tegas dalam menanggani ancaman ideologi yang merosakkan tanpa menjadikan keharmonian umat Islam, sekaligus memastikan kestabilan dan keamanan dalam masyarakat.
- iv. Mengukuhkan keimanan dan pengamalan syariat Islam dalam kalangan masyarakat adalah langkah penting dalam membentuk sebuah negeri yang baik, diberkati dan dirahmati. Dengan mematuhi prinsip-prinsip Ahli Sunnah Waljamaah, masyarakat dapat mengamalkan ajaran Islam secara seimbang dan menyeluruh, memperkuuh akhlak dan hubungan sesama umat. Pendekatan ini tidak hanya meningkatkan kualiti kehidupan rohani, tetapi juga memupuk keharmonian sosial, kestabilan politik, dan kemakmuran ekonomi, seterusnya menjadikan negeri tersebut sebagai contoh teladan dalam menjalankan pemerintahan yang berlandaskan keadilan dan kerahmatan Allah SWT.

KESIMPULAN

Usaha untuk memasukkan pentakrifan dan penisbahan Ahli Sunnah Waljamaah (al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah) dalam undang-undang pentadbiran agama Islam kerajaan negeri di Malaysia sebagai perincian pengertian Ahli Sunnah Waljamaah adalah suatu langkah yang murni. Inisiatif ini perlu dipertimbangkan secara teliti, diperhalusi dan dilihat dari semua sudut kesannya. Khususnya dalam usaha untuk menjaga kemaslahatan umat Islam serta kesucian agama Islam. Dengan langkah ini, pengertian dan amalan yang jelas dapat diperteguhkan, sekali gus memastikan pemeliharaan akidah yang sahih dan kestabilan masyarakat Islam secara keseluruhan.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Al-İjluni, Isma'il Ibn Muhammad. *Kashf al-Khafā' wa Muzil al-Albās 'ammā Ishtahara min al-Ahādīth 'alā al-sināt al-nās*. Beirut: Mu'assah al-Risālah, t.t.
- Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad. *Fayṣal al-tafrīqah bayna al-Islām wa al-Zandaqah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Fikr, 1995.
- Al-Jīlānī, 'Abd al-Qādir. *Ghunyah li Ṭālibī Ṭarīq al-Haqq*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Al-Khādimī, Abū Sa'īd. *Barīqah Maḥmudiyyah Fī Sharḥ Tariqah Muḥamadīyyah Wa Sharī'ah al-Nubūwwah Fī Sīrah Ahmadīyyah*. Mişr: Muştafa al-Babiy Al-Ḥalabī Wa Awlāduhu, t.t.
- Al-Lālikā'ī, Hibah Allah Ibn al-Hasan Ibn Manṣūr al-Ṭabarī al-Rāzī. *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah min al-Kitāb wa al-Sunnah Wa Ijmā' al-Šahābah wa al-Tābi'iñ wa Man Ba'dihim*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2004.
- Al-Misri, Muhammad Abdul Hadi. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Ma'alim al-Intilaqah al-Kubra*. Terj. Sidang Pengarang Kintan. *Ahlusunnah Waljamaah Petunjuk Jalan yang Benar*. Kuala Lumpur: Penerbit Kintan Sdn. Bhd., 1994.
- Al-Razzāq, Zakariyya Abd. *Al-Imām al-Shīrāzī Bayna al-'Ilm wa al-'Amal wa al-Mutaqid wa al-Sulūk*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1992.
- Al-Sha'rānī, 'Abd al-Wahhāb Ahmad. *Al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī Bayān 'Aqā'id al-Akābir*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-Islāmī al-'Arabī t.t.
- Al-Shahrastānī, Muḥammad Ibn 'Abd al-Karīm. *Al-Milal wa al-Nihāl*. Kaherah: Mua'sasah al-Ḥalabi, t.t.
- Al-Subkī, Abū Naṣr 'Abd al-Wahhāb. *Tabaqāt al-Šāfi'iyyah al-Kubrā*. Kaherah: (Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabīyah, 1918).

- Al-Zabīdī, Muḥammad Ibn Muḥammad Murtadā. *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Asrār Ihyā’ ‘ulūm al-dīn*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Ḩamad al-Sinan & Fauzi al-Anjari. *Ahl al-Sunnah al-Ashā’irah Shahādah ‘Ulamā’ al-Ummah wa Adillatuhim*. t.pn: Dar al Diyā’, t.t.
- Ibn ‘Asākir, ‘Alī Ibn Ḥasan. *Tabyīn Kadhib al-Muftari fīmā Nusbiла ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī*. Dimashq: Dār al-Taqwa. 2018.
- Ibn Ḥajar al-Asqalānī, Aḥmad Ibn ‘Alī. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī*. t.pn: Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1986.
- Ibn Islāmī, Muḥammad. *Ṣahīh al-Bukhārī* .t.pn: Maktabah Dar al ilm al hadith, 2005.
- Ibn Kathīr, Ismā’il Ibn ‘Umar. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Beirut: Dar al-Ihyā’ wa al-Turāth al-‘Arabiyy, 1996.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn Ibn Ibrāhīm. *Al-Bahr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*. t.tp.: Dār al-Kutub al-Islami, t.t.
- Khambali, Khadijah Mohd, and Mohd Zaidi Daud. "Pemerkasaan Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah: Ke Arah Pengukuasaan Dan Penyeragaman Standard Sighah Fatwa: Strengthening The Faith of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah Towards The Enforcement and Standardization of Sighah Fatwa Standards." *Journal of Ifta and Islamic Heritage* 1, no. 1 (2022): 88-119.
- Muhammad Ibrāhīm Ibn Muḥammad Salīm. *Majmū‘ al-Rudūd al-Shāmilah fī Ithbāt Darūrat al-Ijtihād al-Sharī‘ah wa al-Mazāhib al-Fiqhiyyah wa al-Tasnīn al-Hasan wa Mā Taḥtahā min Tafri‘at Kādhiyyah al-Ṣālihīn wa al-Tawassul bihim wa Masā'il Ukhra min al-Mustahdathāt al-Khayriyyah*. t.p:t.pn, 1994.
- Mu’tamar al-Shīshān, “Bayān wa Tawṣīf li Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah Itiqādan wa Fiqhāan wa Sulūkan wa Athar al-Inhīraf anhu ‘Alā al-Wāqi’.” Bayān Mu’tamar, Mu’tamar al-Shīshān, al-Shīshān, Ghrūzīn, 27 Ogos 2016.
- Uwes Abu Bakar. *Islah al-Ummah fi Bayan ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Jakarta: Matla al-Anwar, 2016.
- Zakaria Stapa, Indriaty Ismail, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Abdul Rahman Mahmood, Mohd Haidhar Kamarzaman, Mohd Faizul Azmi. *Sejarah al-Ash‘ari dan al-Asha’irah di Nusantara*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2017.